



**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)**

**KENYATAAN MEDIA
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
07 OGOS 2017**

Adalah dimaklumakan bahawa pada 08 Ogos 2017, pihak JPVS akan mengadakan Program Pemvaksinan Anjing secara besar-besaran di Bahagian Serian seperti berikut:

- Kpg Mawang Tahup
- Kpg Mentu Pondok
- Kpg Mentu Mawang
- Kpg Pulau Pranuk
- Kpg Triboh
- Kpg Tubih Mawang
- Kpg Tubih Plaman
- Kpg Tubih Behem
- Kpg Tema Saan

Pada hari ini, sejumlah **270 ekor anjing telah divaksinkan setakat jam 3.00 petang** dalam Program Pemvaksinan Anjing yang telah diadakan di Bahagian Serian iaitu Kg Terbat Leban, Kg Terbat Mawang, Kg Mayang Kawan, Kg Sebintin, Kg Engkeroh, Kg Pulau Pranuk, Kg Krussen Kranji, Kg Krussen mawang, dan Kg Krussen Siu.

Jumlah haiwan kesayangan yang telah divaksin sehingga hari ini adalah sebanyak **27,957 ekor** yang terdiri daripada **20,315 ekor anjing, 7,597 ekor kucing** dan **45 ekor haiwan** lain.

Manakala jumlah kempen kesedaran mengenai wabak penyakit Rabies yang telah diadakan di kawasan kampung-kampung dan sekolah yang terlibat masih lagi sebanyak 160 dan telah dihadiri oleh 31,615 orang peserta.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **111 kes gigitan baru dilaporkan pada hari ini**. Kes tersebut dilaporkan daripada **Bahagian Serian 34 kes gigitan, Bahagian Sri Aman 26 kes gigitan, Bahagian Kuching 19 kes gigitan**, dan **Bahagian Samarahan 32 kes gigitan**. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan anjing yang berlaku mulai 01 April 2017 hingga ke hari ini, adalah berjumlah 1,651 kes. Secara kumulatifnya, seramai 834 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Untuk makluman semua, maklumat dan aktiviti operasi pemvaksinan wabak Rabies juga boleh didapati di dalam portal Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak seperti berikut:

www.infodisaster.sarawak.gov.my

Disediakan oleh:

Sekretariat

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

07 Ogos 2017